



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 5 JUN 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **51 kes yang telah pulih** dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,610 kes** (80 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 5 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat 19 kes baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 8,266 kes. Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,540 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 19 kes baharu yang dilaporkan, 7 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 12 kes penularan di dalam negara, tiga (3) kes adalah bukan warganegara dan sembilan (9) kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.

Sehingga kini, sebanyak enam (6) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, satu (1) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **116** kes (1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-116 (kes ke-7733) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 61 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit barah buah pinggang. Beliau telah dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 29 Mei 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 4 Jun 2020 jam 10.20 malam.

## **IMPAK POSITIF PENJARAKAN SOSIAL DALAM MENGURANGKAN PENYEBARAN BEBERAPA PENYAKIT BERJANGKIT**

Sudah hampir tiga (3) bulan Negara kita telah menguatkuasakan kawalan pergerakan iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1, 2, 3, 4 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) susulan penularan wabak COVID-19. Sepanjang tempoh ini, Kerajaan telah menekankan pelbagai langkah pencegahan misalnya amalan penjaraikan sosial yang selamat (iaitu sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain) dan mengelakkan berada dalam ruang yang sempit dan sesak.

Kaedah ini bertujuan untuk mengurangkan dan seterusnya memutuskan rantai penularan COVID-19 di dalam masyarakat dengan meminimumkan kontak antara individu yang berpotensi dijangkiti dan individu yang sihat. Keberkesanan kaedah ini bukan sahaja terbukti menurunkan kes COVID-19, malah turut menyebabkan penurunan penyebaran penyakit berjangkit yang lain terutamanya penyakit berjangkit yang disebar melalui sentuhan.

Perbandingan analisa wabak daripada minggu epid pertama sehingga minggu epid ke-22 tahun 2019 dan 2020 mendapat terdapat penurunan kes yang ketara bagi beberapa penyakit berjangkit, misalnya:

- penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) terdapat penurunan kes sebanyak 44.6 peratus;
- demam campak (*measles*) terdapat penurunan kes sebanyak 58.3 peratus;
- cacar air (*chickenpox*) terdapat penurunan kes sebanyak 44.4 peratus;

Penurunan kes-kes ini adalah merupakan satu implikasi positif hasil pelaksanaan PKP dan PKPB yang turut dibantu oleh amalan kebersihan kendiri yang tinggi. Namun demikian, dalam keadaan situasi wabak COVID-19 ini, dikhuatiri terdapat juga penurunan dalam kadar imunisasi bayi dan kanak-kanak. Ini mungkin kesan ibu bapa yang risau untuk membawa anak kecil keluar daripada rumah untuk ke klinik.

Susulan itu, KKM ingin mengingatkan tentang kepentingan imunisasi kanak-kanak bagi mencegah terjadinya kejadian wabak penyakit cegahan vaksin (*vaccine preventable diseases*). Perkhidmatan imunisasi kepada bayi dan kanak-kanak adalah masih diteruskan seperti biasa di Klinik Kesihatan. Oleh itu, ibubapa atau penjaga dinasihatkan untuk mematuhi jadual imunisasi dan tarikh temujanji yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Klinik Kesihatan yang berdekatan.

KKM juga ingin menyarankan orang ramai agar terus mengamalkan penjarakan sosial dan amalan kebersihan kendiri yang tinggi untuk memastikan kes-kes berjangkit ini terus berkurangan. Dengan pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi dan sosial secara terkawal, amalan ini sewajarnya dipraktikkan dengan lebih kerap dan diterapkan kepada semua kumpulan umur. Majlis Keselamatan Negara (MKN), KKM

dan pelbagai agensi berkaitan telah membangunkan pelbagai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi tujuan ini.

Peralihan ke arah budaya hidup, kelaziman dan norma baharu ini adalah sesuatu yang positif demi keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

Pihak KKM menyeru kerjasama daripada setiap individu agar kita dapat sama-sama membendung wabak COVID-19 dan memastikan rantaian jangkitan COVID-19 diputuskan di Negara. Antara amalan-amalan yang disarankan adalah:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (Crowded place)**, elakkan kawasan yang **sempit (Confined space)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat (Close conversation)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan amalan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain Prosedur Operasi Standard, sentiasa patuhi **S.O.P** iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

5 Jun 2020 @ 5.00 petang

## LAMPIRAN 1

### BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 5 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *( )	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	256
SELANGOR	9 (5)	1,939
NEGERI SEMBILAN	0	905
MELAKA	1	234
JOHOR	0	676
PAHANG	1	363
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	3	351
SARAWAK	1	553
W.P. KUALA LUMPUR	4 (2)	2,374
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	19 (7)	8,266

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import